



BULETIN IKIM

اينستيتوت كفافهمان اسلام مليسيا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-8



Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengucapkan tahniah kepada YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin b. Hj. Mohd Yassin yang telah dilantik pada 2 Mac 2020 sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.



Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengucapkan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli b. Mohd Al-Bakri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Tuan Haji Ahmad Marzuk b. Shaary.


KUALA LUMPUR SUMMIT 2019



Dari kiri ke kanan: Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Presiden Republik Turki, Recep Tayyip Erdogan, Perdana Menteri Malaysia, Tun. Dr. Mahathir b. Mohamad dan Presiden Republik Islam Iran, Dr. Hassan Rouhani pada 19 Disember 2019

Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah dilantik sebagai salah seorang Timbalan Pengerusi, Kuala Lumpur Summit 2019 yang berlangsung pada 19 - 21 Disember 2019. Beliau telah diberi kehormatan untuk mempengerusikan sesi ulung yang bertajuk "The Priority of Development and the Challenges." Pada hari penutup, 21 Disember 2019, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah diberi kehormatan untuk membaca "The Chairman's Statement," dan juga mengisytiharkan bahawa persidangan itu pada masa hadapan akan dinamakan sebagai "Dialog Perdana."

IKIM DAN OXFORD CENTRE FOR ISLAMIC STUDIES



Pengarah Oxford Centre for Islamic Studies, Dr. Farhan Ahmad Nizami, Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid dan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin

Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menerima kunjungan Dr. Farhan Ahmad Nizami, Pengarah Oxford Centre for Islamic Studies, pada 17 Januari 2020. Beliau telah dibawa melawat ke Perpustakaan IKIM bagi melihat Koleksi Nadir dan Radio IKIM. Beberapa program kerjasama antara kedua-dua institusi telah dirancang.

PROFESOR DR. YASUSHI KOSUGI



Perbincangan antara Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid dengan pasukan Prof. Dr. Yasushi Kosugi (duduk kanan)

Pada 21 Oktober 2019, Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menerima kunjungan hormat Prof. Dr. Yasushi Kosugi daripada Universiti Kyoto, demi mengeratkan hubungan di antara IKIM dengan Universiti Kyoto. Tun Ahmad Sarji meminta Prof. Dr. Yasushi Kosugi supaya mengadakan satu seminar di Tokyo mengenai kedudukan Islam di negara Jepun.

IKIM DAN INTERNATIONAL ISLAMIC ACADEMY OF UZBEKISTAN

Bersempena dengan Kuala Lumpur Summit 2019, Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah mengadakan perbincangan pada 20 Disember 2019 dengan Dr. Rustam Kasimov, State Advisor to the President of the Republic of Uzbekistan. Antara perkara yang dibincangkan ialah kemungkinan mengadakan kerjasama antara IKIM dengan International Islamic Academy of Uzbekistan.



Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid bersama Dr. Rustam Kasimov, State Advisor to the President of the Republic of Uzbekistan

Pengerusi, Jawatankuasa Tertinggi Bagi Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan

Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah dilantik oleh Majlis Raja-Raja sebagai Pengerusi, Jawatankuasa Tertinggi bagi mengkaji kedudukan pengurusan hal ehwal Islam pada peringkat Persekutuan, mengenai latar belakang penubuhan, bidang kuasa, serta keberkesanan agensi-agensi agama yang sedia ada, termasuk agensi perundangan dan penghakiman syariah, dan mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan.

Kursus Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan kursus “Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam” pada 14 - 15 Oktober 2019. Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman yang tepat dan spesifik kepada peserta terhadap aplikasi instrumen pengurusan harta seperti faraid, hibah, wasiat dengan lebih praktikal. Kesimpulannya, kursus ini memberi kefahaman secara spesifik kepada peserta terhadap instrumen untuk pengagihan harta.

Felaw Kanan Pusat Kajian Ekonomi & Kemasyarakatan (EMAS) IKIM, Pn. Hajah Siti Fatimah bt. Abdul Rahman telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Penyelidikan Mengenai Pendidikan Seks di Malaysia: Satu Kajian Awal” dalam program “Langkawi International Multidisciplinary Academic Conference (LIMAC 2019)” pada 21 - 22 Disember 2019.

Bengkel Amalan Beretika”

”Islam dan Penyelidikan

Menyedari kepentingan bagi mewujudkan kesedaran mengenai amalan penyelidikan beretika, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan bengkel “Islam dan Amalan Penyelidikan Beretika” yang berlangsung pada 6 - 7 November 2019. Penyelidikan ialah bahagian utama dalam proses pembangunan ilmu yang bermula daripada kertas cadangan kepada reka bentuk metodologi sehinggalah kepada proses pengutipan data dan analisis, serta penghasilan output penyelidikan seperti penulisan dan penerbitan. Pada waktu yang sama, penyelidikan juga merupakan satu aktiviti yang berada dalam satu ekosistem kompleks, yang melibatkan banyak pihak berkepentingan.

Fellow Kanan Pusat Kajian Sains & Alam Sekitar (KIAS) IKIM, Dr. Nor Azaruddin Husni b. Hj. Nuruddin telah membentangkan kertas kerja bertajuk “The Level of Green Marketing Towards Gen-Y Customer Satisfaction in Retail Industry” di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak, pada 11 Januari 2020.

Pengarah Pusat Kajian Sains & Alam Sekitar (KIAS) IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh telah menghadiri bengkel “Local and Transboundary Pollution Act Feasibility Study” pada 21 Januari 2020 anjuran Akademi Sains Malaysia di Menara MATRADE, Kuala Lumpur.

SIRI KOLOKIUUM: “GOOD GOVERNANCE IN ISLAM”

Pada 3 September 2019, Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menekankan antara lain mengenai kepertanggungjawaban seperti berikut *“Accountability is one characteristic of a leader. Accountability is the epitome of responsibility. If you are Muslim, you must submit to Allah Subhannahu Wata’ala’s will, honour all contracts and conduct yourselves ethically as ‘O you who believe! Fulfil (all obligations (al-Quran 5:1). Beliau juga berpendapat bahawa memiliki “Islamic mind” adalah menyumbang kepada tadbir urus yang baik dan beliau memberi tafsiran kepada “Islamic mind” seperti berikut: (i) it must be based on the Quran and Sunnah, the primary sources of knowledge; (ii) in the absence of the Quran and Sunnah to be applied in the event of a new situation, the recourse is made to Ijtihad [opinion] and Qiyas [opinions based on analogies and doctrine]; (iii) it must be to project coherent and non-conflicting thoughts; (iv) it must be able to understand proof and evidence of truth; and (v) it must be able to put words into actions.*



Duduk dari kiri ke kanan: Prof. Dr. Ainul Jaria bt. Maidin, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (pembentang), Pengarah, Pusat Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, Dr. Mohd Sani b. Badron, (moderator) dan Prof. Dr. Nik Rosnah bt. Wan Abdullah, Tun Abdul Razak School of Government, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) (pembentang)

SIRI KOLOKIUUM: “ISLAM AND DISRUPTIVE TECHNOLOGIES”



Dari kiri ke kanan: Director, Legal Corporate & Government Affairs for ASEAN & New Markets Microsoft Malaysia, Dr. Jasmine Begum (pembentang), Presiden, Universiti Multimedia (MMU), Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Rafi b. Mohamed Eshaq (moderator), dan Professor of Renewable and Solar Photovoltaics, Institute of Sustainable Energy, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Prof. Dr. Nowshad Amin (pembentang)

Program kerjasama antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan Malaysia Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) ini telah berlangsung pada 22 Oktober 2019. Dua orang pakar telah diundang bagi mengulas isu teknologi disruptif: Prof. Dr. Nowshad Amin daripada Institut Tenaga Lestari, Universiti Tenaga Nasional dan Dr. Jasmine Begum daripada Microsoft Malaysia. Ucaptama telah disampaikan oleh Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid. Dalam ucaptama beliau antara lain menyatakan beberapa isu seperti berikut *“this colloquium may also wish to discuss the following question: (i) how should we monitor social media, if at all? (ii) how we encourage competition and privacy? (iii) how can we protect the right of the individual while supporting of the State? And looking event further ahead, (iv) how should government and industry prepare for the next wave of innovation in artificial intelligence and the bioscience revolution it is enabling?”*

Fellow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK) IKIM, Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad telah menyampaikan ceramah bertajuk “Kefahaman yang Betul Mengenai Tasawuf” di Erya By Suria Hot Spring, Bentong, Pahang pada 20 Januari 2020.

Fellow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK) IKIM, Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad menjadi ahli panel pembentang dalam seminar “Undang - undang Fitnah Internet” anjuran Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) di Bangi pada 28 Januari 2020.

IKIM telah menerima lawatan seramai 91 orang daripada Persatuan Mahasiswa Usuluddin (PMUS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 31 Januari 2020. Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK) IKIM, Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahrhan telah menyampaikan ceramah berkaitan dengan pengajian usuluddin.

IKIM telah melancarkan buku *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan Ilmiah* pada 5 Disember 2019. Buku ini mempunyai 21 bab yang dianggap sempurna dalam mengisahkan kehidupan seorang tokoh yang berwibawa, prolific, dan hebat dalam dunia perundangan di Malaysia. Sila rujuk pautan: www.ikimniaga.my

SIRI KOLOKSIUM: “ISLAM AND MORAL FREEDOM - ISSUES AND CHALLENGES”



Dari kiri ke kanan: Datuk Prof. Emeritus Dr. Shad Saleem Faruqi, Chair Tunku Abdul Rahman, Faculty of Law, University Malaysia (UM) (pembentang), Dr. Mohd Sani b. Badron, Pengarah, Pusat Kajian Ekonomi & Kemasyarakatan IKIM (moderator), Associate Prof. Dr. Rafidah Hanim bt. Mokhtar, President, International Women's Alliances for Family Institution & Quality Education (WAFIQ) (pembentang) dan Dr. Amilah bt. Awang Abd. Rahman @ Jusoh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (pembentang)

Kolokium ini telah diadakan pada 3 Disember 2019. Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menyampaikan ucapan dan antara lain menekankan dua cabaran iaitu “the challenge is possibly the neglect of the religious teaching on the family institution. Yet another challenge is how to deal with the electronic channels which spread non-religious and immoral values”. Tun Pengerusi mengharapkan kolokium ini akan dapat menangani isu penguatkuasaan moral di bawah fungsi kerajaan negeri atau sebaliknya.

BUKU AHMAD IBRAHIM: SAHSIAH, PEMIKIRAN & SUMBANGAN ILMIAH



Dari kiri ke kanan: Ketua Pengarah IKIM, Datuk Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin, Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi b. Ismail

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



[myIKIM](https://www.instagram.com/myIKIM)



[@myIKIM](https://twitter.com/myIKIM)



IKIM